



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனர்களின் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Media

11 November 2020

NGO di Asia Tenggara selar rancangan tersembunyi eksport sisa Australia

Rang undang-undang Kitar Semula dan Pengurangan Sisa kerajaan Australia dibentangkan di Parlimen Australia pada minggu ini.

Rang undang-undang itu dibentuk dalam usaha mengukuhkan undang-undang pengawasan produk dan mencegah eksport sisa Australia sebagai maklum balas kepada kutukan antarabangsa terhadap pembuangan sisa oleh negara-negara OECD seperti Australia di rantau Asia Pasifik, dan untuk menyokong sektor kitar semula Australia yang amat diperlukan.

Namun rang undang-undang itu disokong oleh sejumlah dokumen dasar kebangsaan yang menyemadikan pelan Australia untuk pemprosesan semula bahan sisa, khususnya sisa plastik untuk digunakan sebagai bahan api di Australia dan di luar negara. Maklum balas Kerajaan Australia terhadap Dasar Pedang Kebangsaan China (China National Sword Policy) dan tindakan serupa oleh negara-negara Asia Tenggara lain adalah dengan meneruskan proses mengeksport sisa campuran, iaitu memprosesnya semula menjadi produk bahan api bagi insinerasi dalam tanur simen dan insinerator sisa buangan.

Ini menimbulkan persoalan serius mengenai komitmen Australia terhadap Konvensyen Basel iaitu konvensyen antarabangsa untuk mengharamkan eksport sisa berbahaya.

Aliran sisa buangan Australia merupakan salah satu yang terbesar di dunia dan bergenang sekitar 20 juta tan setahun. Sisa ini mengandungi bermacam campuran dan bahan yang kompleks termasuk sisa plastik yang tidak boleh dikitar semula. Aliran sisa ini boleh menimbulkan masalah kerana campuran bahan kimia yang terdapat dalam pengeluaran barangan kita, termasuk produk dengan pelbagai lapisan dan bahan komposit seperti lampin, produk sanitari, pembungkusan plastik serta semua produk dan bahan yang tidak boleh dikitar semula atau diguna semula dan berakhir dalam aliran sisa berbahaya yang amat kompleks ini. Apabila sisa buangan dimampatkan menjadi pelet atau dicarik-carik dan dibungkus dalam bandela plastik sebagai bahan api, pembakaran bahan ini boleh menyebabkan pelepasan bahan yang amat toksik ke udara dan dikaitkan dengan debu beracun yang boleh mengancam kesihatan penduduk.

“Apabila kerajaan Australia mengumumkan pengharaman eskport sisanya, tidak ada sesiapa yang menyangka bahawa ini bermakna sisa kita akan dibungkus semula sebagai produk bahan api. Kami begitu kecewa kerana kerajaan Australia akan terus mengeksport sisa kita sebagai “produk bahan api”. Ini akan mencemarkan komuniti lain yang mudah terancam di Asia Tenggara sementara menjana begitu banyak insinerator sisa kepada tenaga yang dirancang untuk Australia, didakwa sebagai projek tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui dengan menggunakan dana awam,” **jelas Jane Bremmer, Koordinator Kempen Sifar Sisa bagi Rangkaian Toksik Kebangsaan Australia.**

“Rang undang-undang baharu itu muncul di persimpangan wacana global mengenai ekonomi sekular,

usaha global untuk mengurangkan gas rumah hijau, dan Pindaan Konvensyen Basel mengenai sisa plastik. Rang undang-undang itu boleh menjadi penghalang bagi Australia untuk mencapai semua sasaran yang dikaitkan dengan komitmen global,”kata **Yuyun Ismawati dari Nexus3 Foundation, Indonesia.**

“Dalam tempoh dua tahun lalu, sebahagian besar sisa campuran dari Australia yang masuk ke Indonesia, tidak boleh dikitar semula. Sebaliknya Australia perlu mereka-semula pembungkusan, mempertingkatkan pengasingan sisa, pengumpulan dan pengitaran semula sisa kepada produk baharu demi memenuhi matlamat ekonomi sekular. Menukar sisa menjadi RDF tidak sepadan dengan prinsip ekonomi sekular dan masih mencemari negara jiran,” **tambah Yuyun.**

“Pada masa lalu, sama seperti Indonesia, Malaysia mengalami pengalaman yang buruk ekoran pengeksportan sisa Australia ke negara kita yang kononnya untuk dikitar semula serta digunakan sebagai bahan api dalam tanur simen. Sebahagian daripada sisa yang diproses dan dibungkus semula ini sebagai “bahan api” misalnya Processed Engineered Fuels (PEF), didapati tercemar dengan sisa berbahaya,” **kata Mageswari Sangaralingam** dari Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Malaysia.

Mageswari menambah, “Mengapa mesti kita, komuniti penerima di negara membangun, menderita kesan buruk daripada pembuangan sisa dan toksik daripada pembakaran sisa buangan ini yang disamari sebagai “bahan api?” Australia perlu berhenti mengeksport dan melonggokkan sisa, bertanggungjawablah terhadap sisa buangan anda sendiri. Jangan eksport benda yang memudaratkan”.

Aileen Lucero dari EcoWaste Coalition, Filipina pula berkata, “Membenarkan sisa plastik dieksport untuk insinerasi bersama dalam tanur simen di negara membangun adalah nama lain bagi pembuangan sisa. Ini merupakan skim penipuan bagi Australia untuk menyingkirkan sisa plastik bersama bahan lain, dalam samaran menggantikan bahan api fosil dalam pengeluaran simen seolah-olah sisa ini bukan berasaskan petroleum. Kami menolak kelonggaran dalam pengharaman eksport plastik Australia ini dan menggesa kerajaan persekutuan agar menimbang semula skim penjenamaan semula sampah mereka sebagai bahan api.”